

05 JAN 2001

Suqiu-Reaksi (BN)

KOMPONEN BN SAMBUT BAIK LANGKAH SUQIU TAK PERSOALKAN HAK MELAYU

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Parti-parti komponen Barisan Nasional menyambut baik persetujuan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) menggugurkan tujuh tuntutan yang menyentuh kedudukan dan hak serta keistimewaan kaum Melayu.

Setiausaha agung MIC S. Sothinathan berkata langkah itu baik demi perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

"Langkah Siqiu adalah baik kerana ia menunjukkan bahawa mereka sedia mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perlembangan Negara dan ia juga akan mempererat lagi perhubungan antara kaum di negara ini," katanya.

Sothinathan berkata langkah itu juga akan membuka langkah ke arah perhubungan lebih rapat antara kaum di negara ini untuk bekerja keras ke arah pembangunan negara.

Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M. Kayveas berkata langkah Suqiu menunjukkan bahawa jawatankuasa itu mahu mengekalkan perpaduan dan keamanan di negara ini.

"Mereka masih mengutamakan kepentingan negara dan kita patut menyambut baik keputusan berani mereka walaupun tidak dapat diterima baik oleh sesetengah pihak," katanya.

Kayveas berkata tindakan itu juga akan mengurangkan kesangsian dan ketegangan di kalangan orang ramai bahawa negara ini sedang menuju ke arah pertelingkahan kaum terutama perang mulut antara Suqiu dan Pemuda Umno.

Suqiu, sebelum pilihan raya umum 1999, mengemukakan senarai 83 tuntutan kepada kerajaan dan sebahagian tuntutan itu menuntut kerajaan menghapuskan hak dan keistimewaan yang diperuntukkan kepada orang Melayu.

Ini menimbulkan kemarahan di kalangan orang Melayu terutama Pemuda Umno yang menentang tuntutan itu.

Pada 24 Dis, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menolak permintaan Suqiu untuk menghapuskan hak dan keistimewaan orang Melayu kerana tuntutan itu keterlaluan.

Naib Presiden Gerakan Dr V. Vijayarajam berkata Suqiu mengambil langkah bijak untuk menarik balik sebahagian tuntutan daripada senarai tuntutan.

"Langkah ini juga boleh mengurangkan keadaan tegang dan kami berharap ia tidak dilihat sebagai kelemahan Suqiu tetapi lebih kepada rasa menghormati, toleransi dan matang," katanya.

Vijayarajam berkata bahawa dimasa akan datang, isu yang sebesar tidak patut digembar-gemburkan kerana ia membabitkan keselamatan negara.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib mengucapkan syabas kepada jawatankuasa itu kerana kesediaannya menggugurkan tuntutan berkenaan.

"Kita bermula tahun baru dengan berita yang melegakan...mereka sudah faham bahawa ada sebilangan perkara asas yang tidak sepatutnya ditimbulkan," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ LAT MAI